



ALBUM KENANGAN ... Para pemenang dan kumpulan-kumpulan yang mengambil bahagian mengabadikan kenangan bersama-sama dengan AJK penganjur selepas program itu.

Kumpulan Kau Fikir Cincai Krew juara pertandingan drama 'Bahaya Alkohol'

NST 30.12.2018 4
TAMBUNAN: Kumpulan Kau Fikir Cincai Krew telah muncul sebagai juara dalam pertandingan drama lima minit 'Bahaya Alkohol' yang diadakan di Pissompuruan Square, di sini pada Khamis.

Kumpulan ini yang menewaskan empat kumpulan lain dalam pertandingan itu telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai RMI,000.

Manakala, naib johan adalah kumpulan Smart dengan menerima hadiah wang tunai berjumlah RM800, sementara kumpulan Cat Awareness men-

dapat tempat ketiga dengan membawa pulang hadiah RM550.

Sementara itu, dua kumpulan yang tidak berjaya masing-masing menerima hadiah suguhati sebanyak RM400.

Lima kumpulan yang mengambil bahagian adalah terdiri daripada para belia termasuk pelajar-pelajar dari tiga buah sekolah menengah iaitu SMK Nambayan, SMK Tambunan dan SM St Martin.

Semua hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengarah Hospital Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Helen Lasimbang.

Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah, Jumain Abdul Ghani dengan dihadiri oleh 400 orang masyarakat daerah ini termasuk Pengarah Program, Dr Constance Liew, pegawai-pegawai kerajaan, pemimpin-pemimpin masyarakat dan pelajar-pelajar sekolah.

Para juri yang menghakimi pertandingan itu terdiri daripada Dr Helen Lasimbang, Pengarah Pusat Kesihatan UMS, Dr Mohd Nazri Mohd Daud, dan Pembuat Film, Nadira Ilana. **OLEH RIZALMI LIMAN**